

SULIT**NO. SOALAN: 56****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]****TARIKH : 10 OGOS 2017****RUJUKAN : 10080****SOALAN :**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada serangan terhadap T Nhaveen ada mempunyai kaitan dengan persepsi isu seksualiti. Apakah jumlah serangan terhadap individu- individu homoseks dan transgender di Malaysia sejak Januari 2015 hingga sekarang dan berapakah antara ini yang telah menyebabkan kematian mangsa.

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkait Jelutong Repot 003670/17 atas kematian T Nhaveen yang didakwa telah didera dan dipukul oleh sekumpulan remaja. Seramai 5 orang remaja telah ditangkap berhubung kes ini dan 4 orang telah dituduh di bawah Seksyen 302 dan Seksyen 326 Kanun Keseksaan. Tarikh perbicaraan telah ditetapkan pada 21 Ogos 2017.

Berkaitan dakwaan terdapat serangan secara seksual terhadap mangsa, didapati bahawa hasil daripada bedah siasat yang dijalankan mendapati punca kematian mangsa adalah disebabkan oleh hentakan dari objek tumpul di kepala mangsa - "*Blunt Trauma to the Head*".

SULIT